

30 JUN 2001

UM-Polis

POLIS SOAL SIASAT PELAJAR UM UNTUK CARI PUNCA KEBAKARAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Beberapa pelajar Universiti Malaya (UM) disoal siasat oleh sebuah pasukan petugas polis berhubung kebakaran yang memusnahkan mercu tanda universiti itu, Dewan Tunku Canselor, awal pagi semalam.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Meor Chek Hussein Mahayuddin berkata para pelajar itu disoal siasat hanya untuk tujuan penyiasatan.

"Mereka (pelajar itu) disoal siasat bukan kerana mereka orang yang disyaki atau yang membakar (dewan itu).

"Ia hanya untuk mendapatkan keterangan mereka mengenai apa sebenarnya yang berlaku di dalam kampus dan apa sebab boleh menyebabkan kejadian ini," katanya.

Meor Chek Hussein berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan upacara penyerahan jawatan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Bandaraya daripada SAC II Datuk Mat Zain Ibrahim kepada timbalannya ACP Hadi Ho Abdullah di ibu pejabat polis Kuala Lumpur di sini, hari ini. Hadi Ho mengetuai pasukan petugas siasatan kebakaran UM itu.

Kepada satu soalan, Meor Chek Hussein berkata tiada tangkapan dibuat selepas soal siasat itu.

"Kami akan memaklumkan pihak media jika polis menahan orang yang bertanggungjawab (bagi kebakaran) itu," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman DCP Datuk Ramli Yussuf berkata polis masih menyiasat sama ada kebakaran itu berpunca daripada perbuatan khianat atau litar pintas.

"Polis masih menunggu laporan penuh daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Kimia, Tenaga Nasional Berhad dan UM sendiri. Kami juga menyoal siasat beberapa pelajar tetapi adalah terlalu awal untuk mengulas apa-apa sekarang," katanya.

Dalam kejadian 3.45 pagi itu, sebahagian besar peralatan dalam Dewan Tunku Canselor termasuk 3,000 kerusi, meja, alat audio pandang dengar dan 1,800 jubah konvokesyen, yang akan digunakan pada konvokesyen bulan depan, musnah.

Dewan itu merupakan tempat yang sepatutnya berlangsung Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru anjuran Yayasan Penggerak Wawasan selama dua hari mulai hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan penutupan simposium itu esok. Kira-kira 3,000 pelajar dari 12 institusi pengajian tinggi awam dari seluruh negara menyertai simposium itu.

Semalam, naib canselor UM Profesor Datuk Dr Anuar Zaini Mohd Zain tidak menolak kemungkinan kebakaran itu disebabkan oleh perbuatan khianat yang melibatkan pelajar UM.

Beliau berkata UM kerugian kira-kira RM12.4 juta akibat kebakaran itu.

-- BERNAMA

NJ RV NAK